

19 OCT 1999

Syed Hamid-Palestin

PALESTIN SAMBUT BAIK PERTEMUAN SYED HAMID DENGAN MENTERI ISRAEL

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar hari ini berkata Palestin menganggap pertemuan tidak rasminya dengan Menteri Luar Israel bulan lepas sebagai tindakan yang boleh memperkukuh lagi perjuangan rakyat Palestin.

Beliau berkata perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kerajaan Tempatan Palestin Dr Saeb Erilat, yang juga tokoh perunding dalam proses perdamaian Palestin-Israel, semasa mengiringi Presiden Yasser Arafat dalam lawatan singkat ke Malaysia dua hari lepas.

Syed Hamid berkata Erilat menganggap pertemuan tidak rasminya dengan David Levy pada hujung bulan lepas ketika menghadiri perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York sebagai tindakan yang turut memberi faedah kepada perjuangan rakyat Palestin.

"Beliau memberitahu saya adalah perkara yang baik bagi saya sebagai Menteri Luar dan Malaysia sebagai anggota (tidak tetap) Majlis Keselamatan PBB untuk menyuarakan pandangan Malaysia berhubung isu perdamaian secara terus menerus.

"Ini menyedarkan Israel bahawa bukan sahaja Palestin mempunyai sokongan di kalangan negara tertentu, malah negara yang memberi sokongan kuat itu juga boleh memberitahu Israel tentang pendiriannya (berhubung isu damai), dan ini dianggap memperkukuh dan memperkuat negara Palestin," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Wisma Putra selepas pertemuan dengan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Jerman Dr Ludger Volmer, yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia mulai semalam.

Syed Hamid berkata Palestin juga sedar dan dimaklumkan mengenai pertemuan tidak rasminya dengan Levy itu.

"Komen Erilat ialah adalah sesuatu yang baik untuk kita menyuarakan pandangan kita bukan sahaja di forum-forum PBB tetapi di hadapan menterinya (Israel).

"Ini membolehkan Israel mengetahui bahawa negara-negara ini bukan sahaja mempunyai pandangan sedemikian tetapi ia diberitahu dengan betul, dan ini memperkuat perjuangan Palestin itu sendiri," katanya.

Syed Hamid sekali lagi menegaskan bahawa pendirian Malaysia berhubung Israel tidak berubah iaitu tidak akan mengadakan hubungan diplomatik selagi beberapa isu termasuk Palestin dan kedamaian menyeluruh Asia Barat tidak diselesaikan.

"Kita tidak perlu menyembunyikan sebarang perhubungan dan mengubah pendirian kita. Pendirian kita tetap tidak berubah dan pihak luar pun tidak meragui pendirian kita. Kita tidak ubah pendirian semata-mata dengan mengadakan pertemuan."

Mengenai perbincangan dua hala Arafat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan singkat itu, Syed Hamid berkata Arafat mengulangi komitmennya kepada proses damai Asia Barat yang berjalan sekarang.

"Beliau menyatakan bahawa wujud banyak lagi perkara yang menjadi penghalang tetapi memberitahu Perdana Menteri bahawa beliau komited kepada proses damai itu dan percaya akhirnya sebuah negara Palestin yang bebas akan tertubuh dan wilayah-wilayah Palestin sebagaimana yang dijanjikan akan diperolehi," katanya.

Beliau berkata Arafat mengambil peluang pada pertemuan itu bagi memaklumkan kepada Dr Mahathir akan perkembangan dan kedudukan terkini proses damai Asia Barat dan kesukaran yang dihadapi.

Malaysia merupakan negara Asean pertama yang mengiktiraf Palestin dan mengadakan hubungan peringkat kedutaan serta terus-menerus memberikan sokongan politik dan material.

-- BERNAMA

RV NMO